

HAMPIR keseluruhan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sudah mengumumkan anjakan tarikh pilihan raya kampus (PRK) kepada September 2012. Antara IPTA yang sudah mengisyiharkannya termasuk universiti paling senior, Universiti Malaya diikuti beberapa buah universiti seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula, kelihatan pihak universiti berlembut dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UKM kerana masih belum membuat pengumuman rasmi sehingga artikel ini ditulis. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) selaku 'mastermind' di dalam hal ini memberi alasan untuk menganjur PRK kerana ingin menunggu perbaikan dan keputusan pindaan AUKU di sidang Parlimen.

Selain itu, tempoh panjang cuti semester selama tiga bulan bermula awal Julai hingga September nanti turut dijadikan alasan untuk mendakkan PRK diadakan pada semester ini. Menurut pihak kementerian, mereka perlu menyelaraskan hal ini supaya kabinet MPP yang dibentuk 'lebih rasional'.

Reaksi mahasiswa, ada yang membantah, tetapi ada juga yang bersetuju. Semuanya terpulang atas perkiraan politik masing-masing. Bagi bekas MPP, persoalan yang dibangkitkan kebanyaknya MPP akibat penangguhan PRK ialah kampus kini tiada badan kepimpinan yang

Pilihan raya kampus medan siswa kenali erti kepimpinan

memimpin mahasiswa.

Ada sebilangan kampus yang bertindak melantik 'executive committee caretaker' sebagai badan pemangku untuk memimpin gerak kerja kepimpinan mahasiswa untuk sementara waktu. Mahasiswa sudah terdedah dengan amalan berorganisasi menerusi pembentukan jawatankuasa MPP. MPP ditubuhkan melalui proses pilihan raya kampus dengan calon yang layak bertanding akan berkempen dalam tempoh diberikan.

Seluruh mahasiswa disarankan mengundi untuk memilih ahli MPP yang mampu memimpin mahasiswa. Jika baik dan elok kepimpinannya, calon akan diingati sebagai MPP yang berjasa, jika tidak calon akan diingati sebagai MPP yang 'berdosa'.

Begitu sifir politik di kampus universiti, kerana 'rakyatnya' bukan calang-calang orang. 'Rakyatnya' daripada latar belakang akademik yang mengagumkan. Usah disamakan dengan politik negara yang dilambangkan 'gula-gula' berupa bantuan kewangan, sudah dilupakan 'dosa' YB yang hanya muncul setelah hampir dengan pilihan raya.

Melalui jawatankuasa kabinet



SUASANA pilihan raya kampus di Universiti Putra Malaysia.

MPP yang dibentuk, mahasiswa diberi peluang untuk menyuarakan pandangan dan komen yang membina untuk pembangunan sesi pembelajaran dan pengajaran (P&P),

bukan ditagih sangat soal jalan raya di kampus diturap mahupun 'rumah' mereka di kolej kediaman dicat dengan cat yang baru dan tahan lama. Itulah dunia politik mahasiswa

di kampus universiti.

Pihak KPT mahupun Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) tidak perlu gusar. Tiada apa yang mampu digugat 'budak hingusan' yang masih di bangku kuliah. Biarkan kami, mahasiswa dengan dunia kami, bertambah memimpin sesama rakan mahasiswa.

Penyertaan mahasiswa dalam pilihan raya kampus jangan disalah anggap. Buat calon yang bertanding dan petugas kempen mana-mana pihak, inilah peluang kita berpencak dalam dunia politik kampus. Hadami konsep demokrasi, kepimpinan dan pengurusan.

Melalui PRK, semua itu dapat difahami melalui latihan sebenar sewaktu fasa PRK. Pidato dan perdebatan jangan dibimbangi; itu semua medan kita mengasah diri kita, menjadi pemimpin yang bukan sekadar 'bisu', tetapi kita mampu memberi penerangan yang baik kepada 'rakyat' di bawah kita. Sekadar pandangan daripada anak muda di kampus perbukitan ilmu.

Rahman Setpol
Universiti Kebangsaan Malaysia